



SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2018 PUSAT TINGKATAN ENAM TUTONG

HARI RABU, 20^{HB} SYAWAL 1439 BERSAMAAN DENGAN 4^{HB} JULAI 2018

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Kewangan melalui Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Pendidikan dan Radio Televisyen Brunei (RTB) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan telah menganjurkan jerayawara kali ketiga bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018 di Pusat Tingkatan Enam Tutong pada hari Rabu, 20hb Syawal 1439H bersamaan dengan 4hb Julai 2018.
2. Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat di jerayawara tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjung Maya, Daerah Tutong, dan Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai, Daerah Tutong. Jerayawara tersebut juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada AMBD dan Kementerian Pendidikan.
3. Seperti tahun-tahun sebelum ini, jerayawara tersebut membawa tema ‘Generasi Celik Kewangan’. Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan telah dikendalikan ke sekolah-sekolah rendah pada tahun 2016 dan seterusnya ke sekolah-sekolah menengah pada tahun 2017. Pada tahun ini pula, jerayawara Hari Menabung Kebangsaan ditumpukan kepada pusat-pusat tingkatan enam dan institusi-institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini merupakan sebahagian dariapada usaha AMBD untuk membangunkan generasi celik kewangan dan merealisasikan objektif Visi Brunei 2035 untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Seramai 400 orang penuntut daripada pusat-pusat tingkatan enam dan institusi-institusi pengajian tinggi daripada seluruh negara telah dijemput untuk menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang yang dikendalikan oleh AMBD bersama pihak TAP, Junior Achievement Brunei, bank-bank serta syarikat-syarikat insurans dan Takaful.
5. Jerayawara terakhir akan diadakan di Daerah Brunei dan Muara minggu depan pada hari Rabu, 11hb Julai 2018 di IBTE Sultan Saiful Rijal.
6. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2018 adalah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan di Jerudong Park Colonnade pada 4hb Ogos 2018 bermula pada jam 4 petang hingga 10 malam dan pada 5hb Ogos 2018 bermula pada jam 12 tengah hari hingga 6 petang. Acara *Financial Fun Fair* ini akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti menarik untuk seisi keluarga.

7. Bagi maklumat lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn/nsd2018 atau memuat turun AMBD App melalui ‘App Store’ atau ‘Google Playstore’ atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 20 Syawal 1439 / 4 Julai 2018
Rujukan: AMBD/COMMS/3